

Program jihad pendidikan, bantu ringankan beban pelajar asnaf dan B40

- November 30, 2022 | Written by Media Baharu | Published in Semasa



KUALA LUMPUR, 30 November- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) melancarkan inisiatif Jihad Pendidikan bagi memastikan pelajar asnaf dan B40 mempunyai keperluan yang mencukupi.

Menurut Pengerusi PPZ-MAIWP, Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman, ini merupakan usaha untuk membantu mereka meneruskan pelajaran dengan sempurna dalam suasana kos sara hidup yang kian meningkat.

"Kita ada senarai pelajar IPTA daripada golongan asnaf B40. Misalnya, pelajar dari Wilayah Persekutuan yang belajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Maka, UMP akan mohon kepada PPZ dan Baitulmal MAIWP.

Kita akan lihat keperluan mereka untuk kita bantu pelajar-pelajar ini. Pelajar yang tidak dapat bantuan lagi, kita akan minta PPZ- Baitulmal MAIWP beri bantuan," kata Dr. Abdul Aziz kepada pemberita RTM selepas merasmikan Program Jihad Pendidikan di Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Tambahnya, program ini juga secara tidak langsung meningkatkan kesedaran

menunaikan zakat dalam kalangan pendidik melalui potongan gaji.

Sebanyak RM85,000 hasil sumbangan dana pemegang wakalah dan individu berbentuk wang tunai, pek makanan dan barangan keperluan diserahkan kepada UMalaya Radio dan Foodbank UM.

Dengan cogan kata 'Sifar Kebuluran', program Jihad Pendidikan ini juga akan diperluaskan ke Institut Pengajian Tinggi Awam lain di Wilayah Persekutuan.



(Pengerusi PPZ-MAIWP, Tan Sri Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman ditemui pemberita RTM di Universiti Malaya, Kuala Lumpur)